



TEKS UCAPAN

**YB DATUK HAJAH AIMAN ATHIRAH BINTI SABU
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT
PROGRAM JERAYAWARA KASIH KPWKM @ADVOKASI
ANTIGANGGUAN SEKSUAL WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
UNIVERSITI MALAYA**

15 OKTOBER 2023 (AHAD) | 11.30 pagi

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, Segala Puji Bagi Allah SWT, kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam **Program Jerayawara Kasih KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.**
2. Pertama sekali, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ketua-ketua Jabatan Kerajaan, badan-badan korporat, pertubuhan bukan

kerajaan (NGO) serta semua rakyat warga Kuala Lumpur yang turut hadir pada pagi ini.

3. Sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini **menunjukkan solidariti, sokongan serta kebersamaan dalam menyokong agenda kesejahteraan masyarakat bagi mencapai persekitaran yang selamat dan kondusif untuk semua.**

4. Untuk makluman semua, Kuala Lumpur ini merupakan negeri yang ke-12 dalam siri jelajah Program Jerayawara Kasih KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual yang diadakan di seluruh negara.

5. Ini merupakan manifestasi komitmen dan usaha berterusan kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memperkasakan wanita dan seterusnya

mensejahterakan masyarakat agar pembangunan negara lebih seimbang dan mampan selaras dengan konsep Malaysia Madani.

LATAR BELAKANG

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

6. Isu gangguan seksual bukanlah sesuatu yang baharu. Namun, kini dengan penggunaan media sosial yang meluas oleh masyarakat,

gangguan seksual bukan sahaja berlaku secara fizikal tetapi juga dalam talian atau *online*.

7. Walaupun masalah ini bukan perkara yang mudah untuk ditangani, adalah sangat penting dan mustahak untuk kita menguar-uarkan dan teruskan perbincangan **isu gangguan seksual serta isu jenayah intip dan hendap atau '*stalking*'**.

8. Gangguan seksual adalah jenayah. Ia merupakan suatu fenomena negatif yang boleh memberi kesan buruk kepada mangsa dan organisasi.

9. Cabaran utama dalam menangani gangguan seksual ialah usaha memahami masyarakat dan mendidik para tenaga kerja di semua peringkat kerja di semua peringkat organisasi tentang gangguan seksual itu sendiri.

10. Sesetengah pelaku mungkin menganggap tindakan mereka sebagai jenaka yang tidak berbahaya atau salah faham. Natijahnya, gangguan seksual berbentuk perkataan atau sentuhan merupakan antara muqaddimah kepada berlakunya jenayah perlakuan seksual yang lebih berat. **Normalisasi pelakuan ini seharusnya tidak boleh berlaku. Tiada ruang langsung wajar diberikan kepada gangguan seksual, sama ada secara terang-terangan atau jenaka.**

11. Mangsa bukan sahaja terdedah kepada gangguan mental malah kesan negatif lain termasuk trauma dan ketakutan yang berpanjangan.

12. Berdasarkan statistik oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes gangguan seksual meningkat dari **378 kes pada tahun 2020 kepada 506 kes pada tahun 2021**. Walau bagaimanapun, terdapat **sedikit penurunan pada tahun 2022 iaitu kepada 477**

kes. Jumlah kes yang dilaporkan ini adalah melibatkan kedua-dua jantina, lelaki dan wanita.

13. Namun, majoriti mangsa adalah kaum wanita iaitu sebanyak **354 kes pada tahun 2020, 446 kes pada tahun 2021 dan 416 kes pada tahun 2022.** Statistik ini menunjukkan bahawa setiap tahun lebih **90 peratus** daripada kes gangguan seksual adalah melibatkan mangsa di kalangan kaum wanita.

14. Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sendiri, pada tahun 2022, terdapat **95 kes gangguan seksual** di mana **84 kes atau 88 peratus** adalah melibatkan gangguan seksual terhadap kaum wanita.

15. Selain itu, kes gangguan seksual yang melibatkan kanak-kanak juga adalah membimbangkan iaitu berjumlah **35 kes pada tahun 2022 di seluruh negara**. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga turut mempunyai kes gangguan seksual yang melibatkan kanak-kanak iaitu sebanyak lima (5) kes.

16. Untuk makluman juga, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan negeri yang mempunyai kes gangguan seksual yang kedua tertinggi di Malaysia selepas negeri Selangor. Ini termasuklah kes gangguan seksual yang melibatkan kanak-kanak.
17. Selain itu, berdasarkan laporan UNICEF Malaysia, pada tahun 2021, sekurang-kurangnya 4 peratus daripada kanak-kanak yang berumur 12 hingga 17 tahun di Malaysia yang menggunakan internet **mengalami ancaman eksploitasi dan penderaan seksual**

yang jelas dalam talian. Ini termasuk diperas ugut untuk terlibat dalam aktiviti seksual, imej seksual mereka dikongsi tanpa kebenaran, atau dipaksa untuk melakukan aktiviti seksual melalui janji wang atau hadiah.

18. Oleh itu, gangguan seksual boleh terjadi di mana – mana sahaja, dalam apa jua bentuk dan kepada mana-mana individu tanpa mengira jantina, usia, kaum ataupun agama termasuklah kepada **golongan yang tidak berdaya seperti kanak-kanak.**

19. Malahan, terdapat mangsa dalam kalangan lelaki juga turut direkodkan. Angka yang dicatatkan melalui inventori di bawah Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Yayasan Kebajikan Negara (YKN) mencatatkan jumlah mangsa gangguan seksual yang membuat laporan kepada PSSS ketika 11 siri jerayawara ini diadakan adalah seramai 1,012 mangsa, dengan sekurang-kurangnya 235 (23.2%) daripadanya adalah mangsa lelaki.
20. Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) ini turut disediakan pada program ini yang terletak di luar dewan bagi membantu para

mahasiswa menangani isu- isu psikososial yang dihadapi. Perkhidmatan yang disediakan adalah perkhidmatan kaunseling, khidmat nasihat, bimbingan, intervensi dan khidmat perlindungan sementara.

21. Selain daripada itu, kajian yang dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) serta Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati, pengetahuan remaja mengenai kesihatan reproduktif masih lagi rendah dan turut berisiko terlibat dalam tingkahlaku seksual.

22. Oleh itu, khidmat sokongan untuk remaja melalui Pusat Remaja KafeTEEN telah dilaksanakan oleh LPPKN yang menyediakan khidmat kaunseling dan perkhidmatan kesihatan bagi membantu remaja mengatasi masalah fizikal, mental dan sosial remaja termasuklah kepada golongan mahasiswa.

23. Di samping itu, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) juga turut melaksanakan program Skwad Waja yang bertujuan untuk memperkasakan komuniti melalui program

bimbingan psikososial serta menjadi agen perubahan dalam usaha menangani keganasan terhadap wanita dalam komunitas.

24. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan mahasiswa-mahasiswa yang berada di dalam dewan ini untuk menyertai dan mendaftar sebagai ahli Sahabat KafeTEEN dan ahli Skwad Waja supaya golongan mahasiswa akan turut serta menjadi agen perubahan yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara yang seimbang dari segi mental, fizikal dan kerohanian.

Warga pendidik dan anak-anak muda sekalian,

25. Dewan ini telah menyaksikan lahirnya ribuan graduan yang berjaya menempa nama di bumi bertuah ini. Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi terkemuka di Malaysia ini, saya mengharapkan agar anak-anak yang ada di hadapan saya ini mampu membezakan perkara yang baik mahupun yang buruk serta mampu membuat pertimbangan yang terbaik dalam kehidupan.

26. Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara. Itulah peribahasa Melayu yang menjunjung tinggi peranan yang dimainkan pemuda-pemudi atau belia dalam masyarakat dan negara. Bahkan dalam pepatah Arab juga ada menyebut **شَبَابُ الْيَوْمِ رِجَالُ الْغَدِ** (*Syababul yaum rijalulghad*) yang bermaksud pemuda di hari ini, adalah pemimpin di masa yang akan datang. Betapa pentingnya peranan anak-anak muda adalah barisan pemimpin pelapis negara yang akan mencorakkan lanskap negara masa depan.

27. Saidina Ali R.A juga telah berpesan, “Jika kamu mahu melihat masa depan sesebuah negara, maka lihatlah pemuda-pemudinya pada hari ini.”

28. Andalah waris kepimpinan negara pada masa akan datang. Bagaimana mungkin majunya negara dari segi akhlaknya, akidahnya dan pembangunannya jika anak-anak muda hari ini pincang lakunya, pincang akal nya dan pincang rohaninya. Firman Allah SWT di dalam Surah Al-Isra’ ayat 32:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّانِيَ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya: Dan janganlah kamu mendekati zina; (zina) itu sungguh suatu perbuatan keji, dan suatu jalan yang buruk.

29. Jelaslah maksud “jangan mendekati” dalam Al-Quran menunjukkan bahawa semua saranan yang membawa kepada zina seperti pandangan mata, sentuhan dan berkhawat adalah haram dan dijauhi, walaupun dikira sebagai dosa-dosa kecil.

30. Dalam hal ini juga, mencegah lebih baik daripada merawat dan Islam juga menganjurkan amal makruf nahi mungkar. Makanya, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama-sama untuk menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang boleh memberikan kemudharatan kepada diri bahkan kepada masyarakat sejagat seperti kemudharatan yang dibawa oleh gangguan seksual.
31. Setiap tindak tanduk yang kita lakukan hari ini sama ada baik mahupun tidak pasti ada kesannya jua. Maka saya mengharapkan

agar anak-anak muda bijak pandai yang ada hari ini mampu membawa anjakan paradigma dalam merekayasa Malaysia Madani.

32. Di pihak Kerajaan pula, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menggubal **Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]**, sebagai suatu Akta khusus untuk menangani kesalahan gangguan seksual.

33. Akta ini diharap dapat membantu mangsa untuk tampil melaporkan kejadian gangguan seksual supaya tindakan dapat diambil dengan sewajarnya dan remedi dapat diberikan kepada mangsa.

34. **Penguatkuasaan Akta** ini telah dilaksanakan **secara berperingkat mulai 28 Mac 2023** yang melibatkan takrifan gangguan seksual dan elemen kesedaran, pendidikan serta pemahaman mengenai gangguan seksual kepada masyarakat.

PELAKSANAAN PROGRAM JERAYAWARA KASIH KPWKM @ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

35. Pelaksanaan **Program Jerayawara KASIH KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual** ini diharapkan agar dapat mencapai objektif seperti berikut: -

- (i) **Memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat mengenai gangguan seksual;**

- (ii) **Menyebarkan pemakaian garis panduan** dan notis antigangguan seksual kepada semua lapisan masyarakat;
- (iii) **Menyampaikan maklumat** berkenaan bantuan dan perkhidmatan psikososial yang disediakan oleh KPWKM terutama dalam menangani gangguan seksual; dan
- (iv) **Menjalinkan kolaborasi strategik** dengan semua pihak bagi meningkatkan pencegahan dan kesedaran gangguan seksual.

36. Program ini juga bertujuan untuk memberikan kesadaran, pendidikan mengenai gangguan seksual agar **budaya menormalisasikan gangguan seksual dapat dihapuskan.**

Inisiatif yang boleh dilakukan termasuk menyediakan platform latihan untuk pekerja sosial dan sukarelawan, serta **meningkatkan pengetahuan pekerja di tempat kerja tentang tindakan yang perlu diambil jika ada aduan gangguan seksual.**

37. Di samping itu, pelaksanaan ini juga adalah **selaras dengan Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2023** yang turut mewajibkan majikan untuk mempamerkan notis mengenai gangguan seksual di tempat kerja.
38. Justeru, KPWKM telah membangunkan notis antigangguan seksual yang boleh dimuat turun melalui Kod QR dan laman web Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) untuk dipaparkan di setiap

organisasi termasuk premis awam dan swasta.

39. Selain itu, KPWKM juga turut melaksanakan Bengkel Kejurulatihan bagi Anti Gangguan Seksual melalui Institut Sosial Malaysia (ISM).
Objektif pelaksanaan bengkel ini adalah untuk: -

- (i) **Memberikan kefahaman dan pengetahuan** kepada bakal jurulatih mengenai Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840);

- (ii) **Meningkatkan kefahaman dan kemahiran** bakal jurulatih berkaitan isu antigangguan seksual (AGS);
- (iii) **Meningkatkan kefahaman mengenai dinamika pendidikan andragogi** dalam penyampaian ceramah yang berkesan mengenai AGS; dan
- (iv) **Menambah baik kaedah penyediaan** instrumen latihan dalam pengajaran dan pembelajaran *Training of Trainers* (TOT) AGS.

40. Bengkel ini dilaksanakan di enam (6) zon yang turut melibatkan zon Tengah. Bengkel ini mensasarkan seramai 400 orang peserta di seluruh negara. Sebanyak lapan (8) siri bengkel telah dilaksanakan dan masih berbaki enam (6) siri lagi. Justeru, tuan/puan yang berminat boleh mendaftar di reruai pameran ISM yang ada di sini pada hari ini.

41. Selain itu, Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual juga bertujuan untuk menguar-uarkan

penyampaian perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui pelbagai aktiviti dan reruai pameran yang disediakan.

42. Antara jabatan dan agensi di bawah Kementerian yang terlibat adalah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Institut Sosial Malaysia (ISM), Lembaga Kaunseling Malaysia (LKM), dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN).

43. Turut bersama dengan KPWKM pada hari ini ialah rakan strategik Kementerian seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), PERKESO, Universiti Malaya dan lain-lain lagi.
44. Selain itu, terdapat juga usahawan *Food Truck*, gerai-gerai jualan produk-produk daripada usahawan-usahawan wanita di bawah

Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Yayasan Kebajikan Negara.

45. Di kesempatan ini, saya juga memohon kepada hadirin sekalian untuk berkongsi maklumat mengenai Advokasi Antigangguan Seksual kepada keluarga, sanak saudara serta rakan-rakan sebagai usaha untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat di dalam komuniti kita.

(B) HARAPAN

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

46. Saya berharap dengan kebersamaan **agensi Kerajaan, sektor korporat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta seluruh masyarakat untuk untuk bekerjasama** agar kes gangguan seksual akan dapat dibendung dan sekaligus **menyediakan persekitaran yang selamat kepada bukan sahaja wanita**

malahan lelaki jua termasuk kanak-kanak dan setiap lapisan masyarakat.

47. Izinkan saya mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun:

Pemuda pemudi harapan bangsa,

Maju bangsa maju negara,

Agar hidup aman sentosa,

Gangguan seksual hapus segera.

48. Akhir kalam, dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, sukacita saya melancarkan **Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.**

Sekian, *Wabillahi taufiq walhidayah*

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATUK HAJAH AIMAN ATHIRAH BINTI SABU

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

15 Oktober 2023